

Headline	TNB bersedia hadapi gangguan elektrik		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	24 Jul 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	34	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,735
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,205



TNB bersedia hadapi gangguan elektrik

Batu Pahat Seramai 200 kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di seluruh negeri ini sudah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan termasuk gangguan elektrik menjelang sambutan Aidilfitri.

Pengurus Besar TNB negeri Datuk Mohd Aminuddin Mohd Amin berkata, sebagai persediaan menghadapi Aidilfitri, pihaknya menaik taraf peralatan di beberapa pencawang dengan meningkatkan voltan fuis, kabel dan beberapa peralatan lain.

Menurutnya, persediaan rapi dibuat bagi memastikan pengguna dapat menikmati bekalan elektrik secukupnya ketika penggunaan dijangka meningkat sehingga 400 peratus.

"Pada Aidilfitri, penggunaan elektrik di kawasan luar bandar akan meningkat dalam lingkungan 300 hingga 400 peratus kerana ia menjadi kawasan tumpuan.

"Berikutnya itu, TNB melakukan pelbagai persediaan seperti menaik taraf pencawang, menukar kabel

dan fuis bervoltan tinggi serta menyediakan seramai 200 petugas di seluruh negeri untuk berdepan kerosakan atau aduan," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada fakir miskin di cawangan TNB daerah ini di sini, kelmarin.

Katanya, selain itu, pengguna dinasihatkan tidak melakukan penyambungan pendawaian atau pendawaian baru tanpa nasihat atau khidmat syarikat pendawaian diiktiraf TNB kerana bimbang berlaku kejadian buruk.



(DARI kiri) Mohd Aminuddin, Ahli Dewan Undangan Negeri Rengit, Ayub Jamil dan Pengurus Kawasan TNB Batu Pahat, Khairizam Ibrahim menyampaikan sumbangan kepada fakir miskin, semalam.